



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

JAMBATAN *BAILEY* ADALAH SOLUSI SEMENTARA MENGGANTIKAN JAMBATAN SEDIA ADA YANG ROSAK DI KAMPUNG PERMATANG SEPAM, PONTIAN, JOHOR

PONTIAN, JOHOR - YB Datuk Seri Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Kerja Raya merangkap Ahli Parlimen P.164 Pontian hari ini telah merasmikan pemasangan Jambatan *Bailey* Kampung Permatang Sepam, Pontian, Johor. Jambatan *Bailey* ini merupakan jambatan sementara menggantikan jambatan sedia ada yang dikenali pasti telah mengalami kegagalan struktur pada 5 Mac 2024. Jalan yang terlibat terletak di jalan negeri iaitu Jalan Madirono (J119) di mana pemasangannya telah bermula sejak 9 Julai 2024.

2. Kegagalan struktur jambatan milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Pontian ini disebabkan oleh peningkatan beban mendatar terhadap tiang jambatan yang berpunca dari bahan yang dihanyutkan di dalam sungai selain usia jambatan sedia ada yang sudah melebihi 40 tahun. Kerja – kerja pemasangan jambatan *Bailey* ini merupakan solusi sementara bagi memastikan jalan darat tidak terputus yang boleh membahayakan dan menyusahkan pengguna disamping mengurangkan potensi kesesakan yang mungkin timbul di jalan tersebut.

3. Pemasangan jambatan *Bailey* ini hasil kerja sama erat antara kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Persekutuan yang mana kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan bagi menampung perbelanjaan pemasangan manakala kerajaan Persekutuan telah membenarkan penggunaan asetnya iaitu komponen struktur jambatan *Bailey*.

4. Jambatan *Bailey* yang digunakan adalah dari model Acrow 700XS Extra Wide sepanjang 140 kaki (42 meter) dengan kelebaran 4.2 meter. Komponen Jambatan ini diambil daripada stor Jabatan Kerja Raya (JKR) Pahang dan JKR Selangor. Pengurusan logistik mengangkut komponen jambatan *Bailey* ini telah diuruskan oleh Cawangan Kerja Mekanikal (CKM) JKR Pahang dan dibantu oleh Cawangan Kerja Mekanikal JKR Johor dengan kekuatan tiga Jentera *Low Loader* dan dua jentera lori 5 tan yang telah memulakan perjalanan pada waktu malam 8 Julai dan tiba di tapak pada keesokan paginya.

5. Kerja – kerja pemasangan ini telah berjaya dilaksanakan oleh Pasukan Pemasang seramai 45 orang anggota yang terdiri daripada kakitangan Cawangan Senggara Fasilitas Jalan, JKR selaku penyelaras, JKR Daerah Pontian, JKR Daerah Johor Bahru, JKR Daerah Kluang, JKR Daerah Segamat, JKR Daerah Kota Tinggi dan turut dibantu JKR Negeri Pahang (JKR Daerah Temerloh, CKM Negeri Pahang dan CKM Pahang Barat).

6. Hasil audit pemeriksaan yang dilakukan oleh JKR Daerah Pontian telah mencadangkan pembinaan jambatan konkrit baharu sebagai langkah jangka panjang bagi memastikan tiada permasalahan berulang. Cadangan ini juga akan memberi penjimatan kepada Kerajaan dalam jangka masa panjang disamping menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna dan penduduk setempat. Untuk rekod,

jambatan sedia ada ini adalah 43 meter panjang dan 5 meter lebar.

7. Fokus berterusan terhadap infrastruktur jalan raya ini merupakan komitmen Kerajaan Perpaduan melalui Program MYJalan Kementerian Kerja Raya (KKR) dalam membina, menyediakan dan menyenggara infrastruktur yang selesa dan selamat kepada semua rakyat Malaysia Madani secara konsisten.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
14 JULAI 2024